

04 MAR 1997

Umno-Sosial

SEMUA PIHAK PERLU TAMPIL KE HADAPAN BENTERAS PENYAKIT SOSIAL

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini mendesak semua pihak untuk tampil ke hadapan dalam memerangi masalah sosial yang semakin ketara di kalangan remaja sekarang.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat selama tiga jam itu berkata MT telah mengenalpasti golongan tertentu yang dapat membantu mengatasi masalah sosial itu.

Katanya ibu bapa perlu lebih tegas memainkan peranan mereka sebagai ketua keluarga.

"Guru-guru juga dipertanggungjawabkan melatih murid dengan nilai yang sesuai," katanya.

Kerajaan dan media massa pula mempunyai tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai benteng yang kuat.

Perdana Menteri juga berkata selain daripada pemimpin politik, pemimpin-pemimpin masyarakat juga perlu tunjukkan teladan yang baik dalam usaha menangkis gejala sosial.

Ini kerana Umno yang memandang berat tentang masalah sosial yang berlaku di negara ini menganggap usaha-usaha membanterasnya perlu dilakukan oleh semua pihak.

Biro Agama Umno pada perjumpaan khas yang diadakan di Pusat Islam di sini minggu lepas telah mengisytiharkan masalah sosial yang dihadapi oleh kalangan muda-mudi sebagai darurat.

Dr Mahathir sebagai pengerusi Barisan Nasional baru-baru ini juga berkata BN akan mengadakan mesyuarat khas tidak lama lagi untuk membincangkan langkah-langkah mengatasi masalah itu. -- BERNAMA

SJA RON